



KEMENTERIAN  
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH



# PELAN STRATEGIK JABATAN KEMAJUAN ORANG ASLI 2023-2026



# KANDUNGAN

PELAN STRATEGIK  
JABATAN KEMAJUAN ORANG  
ASLI 2023-2026

Ringkasan Eksekutif vii  
Perutusan Ketua Pengarah ix

BAB  
**1**

BAB  
**2**

BAB  
**3**

PENDAHULUAN 1

TADBIR URUS 3

HALA TUJU 11

Pengenalan	1	Punca Kuasa	3	Visi, Misi & Objektif	11
Latar Belakang	2	Maklumat Korporat	4	Pihak Berkepentingan	12
		Fungsi dan Peranan	5	Nilai Bersama	13
		Carta Organisasi	7	Teras Strategik	16
				Fokus Strategik	17



## BAB **4**

## BAB **5**

## BAB **6**

### **STRATEGI DAN PELAN TINDAKAN 21**

### **PEMANTAUAN 54**

### **KESIMPULAN 57**

Kerangka Pelan Strategik		Pemantauan	54	Kesimpulan	57
JAKOA 2023-2026	22	Pelaporan	54	Senarai Singkatan / Akronim	60
Teras Strategik 1	26				
Teras Strategik 2	30				
Teras Strategik 3	35				
Teras Strategik 4	42				









# RINGKASAN EKSEKUTIF

Pembangunan Pelan Strategik Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) ini telah bermula pada akhir 2019 melalui khidmat nasihat dan perundingan oleh pihak Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU). Berikutan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bermula pada awal Mac 2020 sehingga Ogos 2020, serta mengambil kira pandangan pihak perunding, Pengurusan Tertinggi JAKOA telah bersetuju melanjutkan tempoh kuatkuasa Pelan Strategik JAKOA 2016-2020 sehingga tahun 2022.

Pelan Strategik JAKOA 2023-2026 merupakan dokumen yang menggariskan perancangan strategi dan projek, program serta berkaitan pembangunan masyarakat Orang Asli Semenanjung Malaysia yang selaras dengan Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) bagi menggantikan Pelan Strategik JAKOA 2016-2022. Perancangan empat (4) tahun ini merupakan garis panduan bagi mencapai visi JAKOA sebagai Peneraju Unggul Pembangunan Sosial, Ekonomi dan Kebudayaan Masyarakat Orang Asli Seiring Kemajuan Negara.

Pelan strategik ini telah dirangka melalui beberapa siri mesyuarat, perbincangan dan bengkel secara fizikal dan atas talian yang telah diadakan bermula dari tahun 2021 sehingga 2022. Output yang telah dihasilkan ini adalah gabungan *input* dan maklum balas daripada semua bahagian di Ibu Pejabat JAKOA dan Pejabat JAKOA Negeri serta perunding.

Berasaskan peranan utama JAKOA melalui Akta Orang Asli 1954 (Akta 134), pelan strategik ini merumuskan hala tuju dengan empat (4) teras strategik iaitu Perlindungan, Kesejahteraan, Kemajuan dan Penyampaian Perkhidmatan.

Sebanyak 23 strategi telah diperincikan, manakala 73 projek, program dan aktiviti telah digariskan dari empat (4) teras strategik tersebut dengan dokongan nilai-nilai bersama warga JAKOA dalam pelaksanaannya.





# PERUTUSAN KETUA PENGARAH

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera,

Alhamdulillah setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat ALLAH S.W.T kerana dengan izin-Nya, Pelan Strategik JAKOA 2023-2026 telah sedia untuk dilaksanakan. Saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan tahniah kepada semua pihak yang terlibat di atas segala sokongan, kerjasama dan komitmen yang telah diberikan dalam membangunkan pelan strategik ini.

Pelan strategik ini adalah dokumen utama yang menggariskan teras strategik, strategi, projek, program, pelan tindakan dan arah tuju bagi pengurusan sumber Jabatan secara efisien dan komprehensif dalam tempoh empat (4) tahun bermula dari tahun 2023 sehingga 2026.

Pelan strategik ini dirancang selaras dengan dasar semasa Kerajaan, komitmen antarabangsa Negara dan keperluan serta mengambil kira kehendak masyarakat Orang Asli yang menghadapi perubahan landskap sosioekonomi pada peringkat nasional dan global.

Oleh yang demikian, semua warga JAKOA hendaklah mematuhi, menghayati dan melaksanakan pelan tindakan ini dengan jayanya.

**HAJAH SAPIAH BINTI DATO' MOHD NOR**

Ketua Pengarah  
Jabatan Kemajuan Orang Asli





Mah Meri

JAKOA







## BAB 1

# PENDAHULUAN

### PENGENALAN

Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) telah mengalami beberapa evolusi dan transformasi semenjak pra kemerdekaan sehingga ke hari ini. Ia melibatkan perubahan pendekatan Kerajaan dari menjaga keselamatan masyarakat Orang Asli kepada pembangunan masyarakat Orang Asli dan seterusnya kepada integrasi bersama masyarakat arus perdana.

Peranan awal penubuhan Jabatan ini adalah bagi menjaga keselamatan masyarakat Orang Asli dari ancaman fahaman komunis, kemudian kepada pembangunan minda dan fizikal serta ke arah integrasi nasional. Kini pembangunan bagi masyarakat Orang Asli lebih inklusif dengan pembangunan minda bersama pemeliharaan tradisi dan budaya, bukan hanya kepada pembangunan prasarana semata-mata.

Transformasi pembangunan dengan pendekatan integrasi nasional ini bermula sekitar awal 1970-an. Antara program pembangunan in-situ seperti program Rancangan Pengumpulan Semula (RPS) yang dilengkapi dengan kemudahan asas infrastruktur, pendidikan dan kesihatan bagi komuniti di kawasan pedalaman.

Semenjak pelaksanaan Rancangan Malaysia dari yang pertama sehingga kini iaitu Rancangan Malaysia Ke-12, peruntukan kewangan untuk kesejahteraan dan kemajuan masyarakat Orang Asli sentiasa diteruskan oleh pihak Kerajaan.

## LATAR BELAKANG JAKOA

Sejarah awal pentadbiran masyarakat Orang Asli melalui pelantikan seorang *Field Etnographer* yang bertindak sebagai *Protector of Aborigines* melalui penguatkuasaan *Perak Aboriginal Tribes Enactment No.3*, pada Disember 1939 di negeri Perak.

Sebagaimana perubahan pendekatan pembangunan, pentadbiran masyarakat Orang Asli juga telah berubah dengan pentadbiran di bawah Kerajaan Negeri ke Persekutuan dengan pentadbiran di bawah pelbagai Kementerian semenjak ia ditubuhkan. Bermula perjawatan di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat hingga kepada penubuhan Jabatan Orang Asli (JOA) pada 1954 melalui peruntukan pada *Aboriginal People Ordinance, No. 3 1954*.

Jabatan ini dikenali sebagai Jabatan Muzium, Arkib dan Penyelidikan Orang Asli yang diletakkan di bawah Kementerian Pelajaran pada tahun 1956. Manakala pada tahun 1959, Jabatan Orang Asli diselia di bawah Kementerian Dalam Negeri dengan perwujudan Dasar Pentadbiran Orang Asli pada tahun 1961.


Pada tahun 1963, ketika pembentukan Malaysia, Jabatan Orang Asli telah ditukar nama kepada Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (JHEOA) di bawah seliaan Kementerian Tanah dan Galian. Ketua Jabatan ketika itu dikenali sebagai Pesuruhjaya Hal Ehwal Orang Asli.

Jabatan ini telah ditadbir di bawah beberapa kementerian seperti Kementerian Pelajaran, Kementerian Pertanian dan Tanah, Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat dan Jabatan Perdana Menteri.

Jabatan Hal Ehwal Orang Asli telah dijenamakan sebagai Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) pada tahun 2011 dan kini berada di bawah pentadbiran Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW).

Rajah  
2

Latar Belakang JAKOA  
1939-2022



■ Orang Asli One Stop Centre (OAOSC) Bawong, Perak



## BAB 2

# TADBIR URUS

### PUNCA KUASA

Punca kuasa perundangan bagi peranan pembangunan masyarakat Orang Asli adalah daripada Perlembagaan Persekutuan, Akta Orang Asli 1954 (Akta 134) dan Akta-Akta berkaitan masyarakat Orang Asli yang melibatkan pemegang taruh perkhidmatan utama Negara.

Selain itu, JAKOA menggunakan Dasar Pentadbiran Orang Asli 1961, Dasar Pembangunan Luar Bandar, dokumen-dokumen komitmen antarabangsa Negara seperti *The Universal Declaration of Human Rights*, *United Nations Declaration on the Rights of Indigenous Peoples* (UNDROP) dan *2030 Agenda for Sustainable Development* dalam perancangan pembangunan masyarakat Orang Asli Semenanjung Malaysia.

### PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN

Perkara 160(2) menyatakan bahawa Orang Asli ditakrifkan sebagai Orang Asli Semenanjung Tanah Melayu.

Selain itu, Perkara 8 berkaitan Kesamarataan dan secara khusus kepada perkara 8(5) C iaitu, Apa-apa peruntukan bagi perlindungan, kesentosaan atau kemajuan Orang Asli Semenanjung Tanah Melayu (termasuk perizaban tanah) atau perizaban bagi Orang Asli suatu perkadaran yang munasabah daripada jawatan-jawatan yang sesuai dalam perkhidmatan awam.

Manakala, pada Jadual Kesembilan pada Senarai Persekutuan menyatakan tanggungjawab kebajikan Orang Asli adalah merupakan tanggungjawab Kerajaan Persekutuan. Senarai Negeri, Jadual Kesembilan pula menyatakan secara umumnya kepada masyarakat Orang Asli kecuali Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya berkaitan tanah, pertanian, perhutanan dan penangkapan ikan di sungai adalah tanggungjawab Kerajaan Negeri.

Selain itu, pada Senarai Bersama, Jadual Kesembilan secara umumnya antara yang menjadi tanggungjawab Kerajaan Persekutuan dan Negeri kepada masyarakat Orang Asli adalah kebajikan masyarakat, biasiswa, hidupan liar, kesihatan dan perumahan.

## AKTA ORANG ASLI 1954 (AKTA 134)

JAKOA memainkan peranan utama dalam memberi perlindungan, kesejahteraan dan kemajuan Orang Asli di Semenanjung Malaysia. Akta 134 merangkumi 19 Seksyen seperti pada Jadual 1: Ringkasan Peruntukan Akta 134.

1	Tajuk ringkas dan pemakaian	9	Urus niaga mengenai tanah oleh Orang Asli	14	Orang awam dilarang masuk ke kawasan Orang Asli dan rizab Orang Asli
2	Tafsiran	10	Masyarakat Orang Asli tidak berkewajipan meninggalkan kawasan yang diisyiharkan Rizab Orang Melayu, dan lain-lain.	15	Pengusiran orang yang tidak diingini
3	Takrif Orang Asli	11	Pampasan ke atas pemberian hak milik tanah Kerajaan yang diatasnya tumbuh pokok buah-buahan atau pokok getah	16	Ketua
4	Pelantikan Ketua Pengarah dan Timbalan Ketua Pengarah	12	Pampasan	17	Orang Asli tidak boleh dilarang masuk ke mana-mana sekolah
5	Pentadbiran Orang Asli	13	Pengambilan paksa tanah untuk kawasan atau rizab Orang Asli	18	Kanak-kanak Orang Asli tidak boleh diambil sebagai anak angkat, dan sebagainya.
6	Kawasan Orang Asli			19	Peraturan-peraturan
7	Rizab Orang Asli				
8	Hak menduduki				


Jadual  
1

Ringkasan Peruntukan Akta 134

## MAKLUMAT KORPORAT

JAKOA mempunyai dua (2) sektor iaitu Sektor Pembangunan dan Sektor Perancangan dan Pengurusan dengan empat (4) bahagian di ibu pejabat. Selain itu terdapat pejabat pentadbiran di enam (6) negeri dan di 36 daerah di seluruh Semenanjung Malaysia.

Terdapat empat (4) bahagian utama dalam JAKOA iaitu :





## FUNGSI DAN PERANAN

JAKOA merupakan Jabatan Persekutuan yang bertanggungjawab dalam melihat kepada kebajikan masyarakat Orang Asli Semenanjung Malaysia dengan kolaborasi bersama pemegang taruh perkhidmatan utama Kerajaan di peringkat Persekutuan dan Negeri. Antara fungsi dan peranan JAKOA adalah seperti berikut:


- 1 Menggubal dasar dan strategi pembangunan Orang Asli dalam bidang sosioekonomi dan pembangunan yang mencakupi pembangunan infrastruktur.
- 2 Mengenal pasti, menggalak, menyelaras, melaksana dan memantau program pembangunan Orang Asli secara bersepadu melalui kerjasama dengan kerajaan negeri dan pihak swasta.
- 3 Merangka, memperakurkan dan menetapkan kaedah pelaksanaan, program-program bahagian ke arah mewujudkan sistem penyampaian yang cekap dan berkesan.
- 4 Mengawal dan mengurus peruntukan mengurus dan pembangunan secara berkesan selaras dengan matlamat yang ditetapkan.
- 5 Memastikan pelaksanaan program-program bahagian mematuhi garis panduan yang ditetapkan selaras dengan dasar kerajaan.
- 6 Membuat pengesahan dan penilaian terhadap keberkesanan dan pencapaian matlamat program-program bahagian serta mengambil langkah-langkah penambahbaikan.
- 7 Merangka penggunaan sistem/ teknologi baru dalam pelaksanaan program pembangunan bahagian ke arah meningkatkan keberkesanan sistem penyampaian.
- 8 Merancang dan merangka penyelidikan-penyelidikan yang melibatkan program/ projek Orang Asli bagi mengukur keberkesanannya.
- 9 Menyediakan perancangan strategik dan perancangan pelaksanaan program-program bahagian melalui cadangan pelantikan jururunding, kontraktor induk, kontraktor pelaksana serta agensi-agensi yang terlibat bagi mencapai matlamat dan objektif yang ditetapkan.
- 10 Bertanggungjawab ke atas perancangan, pengurusan, pelaksanaan dan pemantauan program-program prasarana, utiliti dan ameniti sosial.

Manakala, antara peranan utama Pejabat JAKOA Negeri dan Pejabat Kemajuan Orang Asli Daerah adalah seperti berikut:

- 1 Melaksanakan program dan aktiviti pembangunan sosioekonomi, minda dan pendidikan masyarakat Orang Asli selaras dengan Dasar Pentadbiran Orang Asli 1961.
- 2 Melaksanakan Program Penempatan Tersusun di kawasan Rancangan Pengumpulan Semula (RPS) dan Penyusunan Semula Kampung (PSK) masyarakat Orang Asli melibatkan projek perumahan, pembangunan tanah baru, jalan, bekalan air dan Pembangunan Koperasi.
- 3 Memelihara dan melindungi budaya dan warisan Orang Asli.
- 4 Bertanggungjawab terhadap semua aspek pengurusan pentadbiran, perkhidmatan, perjawatan dan pengawalan kakitangan peringkat negeri.
- 5 Menyedia dan menghantar Laporan Bulanan Prestasi Projek Pembangunan dan Perbelanjaan Mengurus.

### Rajah 3

### Taburan Pejabat JAKOA Negeri dan Daerah



#### PEJABAT JAKOA PERAK & KEDAH

- PKOAD Batang Padang & Muallim
- PKOAD Perak Tengah & Hilir Perak
- PKOAD Kinta & Kampar
- PKOAD Hulu Perak & Baling
- PKOAD Kuala Kangsar

#### PEJABAT JAKOA SELANGOR & WILAYAH PERSEKUTUAN

- PKOAD Gombak & Petaling
- PKOAD Kuala Langat & Klang
- PKOAD Hulu Langat
- PKOAD Hulu Selangor
- PKOAD Sepang

#### PEJABAT JAKOA NEGERI SEMBILAN & MELAKA

- PKOAD Seremban, Port Dickson & Rembau
- PKOAD Jelebu
- PKOAD Melaka
- PKOAD Jempol
- PKOAD Kuala Pilah & Tampin


#### PEJABAT JAKOA JOHOR

- PKOAD Mersing
- PKOAD Batu Pahat & Pontian
- PKOAD Segamat
- PKOAD Muar & Tangkak
- PKOAD Johor Bahru
- PKOAD Kota Tinggi
- PKOAD Kluang



**CARTA ORGANISASI**

**Rajah** **Carta Operasi JAKOA**











## BAB 3

# HALA TUJU



### VISI, MISI & OBJEKTIF



#### Visi

Peneraju Unggul Pembangunan Sosial, Ekonomi dan Kebudayaan Masyarakat Orang Asli Seiring Kemajuan Negara.



#### Misi

Mengukuhkan Peningkatan Kendiri, Kekuatan Minda, Kesejahteraan dan Kemajuan Orang Asli melalui Pendekatan Penglibatan Bersama yang Efektif dan Strategik Seiring dengan Pembangunan Negara.



#### Objektif

- i** Meningkatkan pendapatan masyarakat Orang Asli dan seterusnya mengeluarkan mereka daripada garis kemiskinan.
- ii** Memperluaskan skop liputan kemudahan prasarana dan ameniti sosial ke semua perkampungan Orang Asli.
- iii** Memperkasa masyarakat Orang Asli melalui program pembangunan modal insan yang komprehensif.
- iv** Meningkatkan tahap kesihatan masyarakat Orang Asli ke arah kesejahteraan hidup.
- v** Memulihara dan menegakkan pengetahuan tradisional serta warisan Orang Asli.
- vi** Meningkatkan tahap keberkesanan organisasi dengan mengamalkan dan membudayakan tadbir urus yang baik.



## ■ PIHAK BERKEPENTINGAN

Pemegang taruh adalah merupakan pihak yang mempunyai kepentingan terhadap keberhasilan perkhidmatan JAKOA secara langsung.

Rakan Strategik adalah merupakan organisasi atau entiti yang menjalinkan kerjasama bagi mencapai suatu matlamat yang sama dalam pelaksanaan komitmen Negara dan para pemegang taruh Jabatan berkaitan pembangunan masyarakat Orang Asli. Rakan Strategik utama JAKOA adalah merupakan pemegang taruh perkhidmatan utama negara dalam usaha pelaksanaan strategi pelan ini.

Pelanggan JAKOA adalah merupakan masyarakat Orang Asli Semenanjung Malaysia yang menerima faedah secara langsung dari perkhidmatan yang diberikan dan diselaraskan oleh Jabatan bersama rakan strategik.

PEMEGANG TARUH	RAKAN STRATEGIK	PELANGGAN
Jemaah Menteri	Pelbagai Kementerian	
Ketua Setiausaha Negara (KSN)	Pelbagai Agensi Pusat	
Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW)	Pelbagai Agensi Negeri	
Kementerian Kewangan (MOF)	Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UN)	Orang Asli Semenanjung Malaysia
Pihak Berkuasa Negeri (PBN)	Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) & Pertubuhan Masyarakat Sivil (CSO)	

Jadual  
**2**

Ringkasan Pihak Berkepentingan JAKOA



## **NILAI BERSAMA**

Nilai-nilai bersama JAKOA adalah merupakan nilai-nilai murni yang perlu dihayati dan diamalkan oleh seluruh warga JAKOA dalam usaha melaksanakan tugas bagi pembangunan masyarakat Orang Asli.

**J**

### **JALINAN BERSAMA**

- Penglibatan bersama Jabatan dan masyarakat Orang Asli.
- Kolaborasi bersama Jabatan dengan pelbagai pihak berkepentingan.

**A**

### **AKAUNTABILITI**

- Tanggungjawab pegawai dan kakitangan Jabatan dalam melaksanakan tugas-tugas yang diserahkan.
- Kesedaran pegawai dan kakitangan Jabatan dalam mengambil risiko tugas yang dilaksanakan.

**K**

### **KOMITMEN**

- Sikap terhadap pendirian, azam dan perbuatan pegawai dan kakitangan Jabatan yang memberikan sepenuh sokongan dan usaha dalam melaksanakan tugas.

**O**

### **OPTIMUM**

- Pengoptimuman sumber sedia ada dengan cekap dalam melaksanakan tugas.

**A**

### **ADAPTASI**

- Penyesuaian diri pegawai dan kakitangan Jabatan terhadap perubahan dan keadaan semasa dalam melaksanakan tugas.
- Penyesuaian Jabatan dengan dasar Negara dalam menjaga kepentingan masyarakat Orang Asli.

Jadual  
**3**

### **Pernyataan Nilai Bersama JAKOA**



CPSE

Johor

- ① Mesuarat khas — Perodua Sistem Selewatan air.
- ② Bawong — minta teknikal berhubung dgn Jel Perak.
- ③ Risda — follow up surat POS

④ Johor — arrancan dan Peta



# TERAS STRATEGIK



## Perkhidmatan

Dasar penyampaian perkhidmatan merupakan tadbir urus dalam pengurusan pembangunan masyarakat Orang Asli yang menjelaskan peranan dan tanggungjawab bersama pihak berkepentingan yang bertanggungjawab mengurus, merancang, mentadbir dan melaksanakan aktiviti Jabatan dengan mematuhi akta, dasar dan peraturan yang ditetapkan bagi menjamin keberkesanan penyampaian melalui penggunaan kaedah sedia ada dan teknologi digital terkini.



## Perlindungan

Dasar berkaitan perlindungan dalam kalangan masyarakat Orang Asli adalah mengenai hak kelangsungan hidup melalui tempat tinggal; kawasan mengutip, memburu, mengumpul keperluan hidup (makanan/ ubat tradisi/ barang dan sebagainya); penggunaan bahasa ibunda; mengamalkan cara hidup, ilmu watan, budaya dan sistem kepimpinan tradisi masyarakat Orang Asli sedia ada.



## Kesejahteraan

Dasar berkaitan mengecapi kesejahteraan oleh masyarakat Orang Asli adalah mengenai hak kesejahteraan melalui kesihatan (kesedaran, perkhidmatan dan sebagainya); kemudahan prasarana (bekalan air, elektrik, rangkaian komunikasi, jalan, ameniti dan sebagainya) dan gabungan sistem kepimpinan tradisi masyarakat Orang Asli dan sistem kepimpinan komuniti semasa Negara bagi masyarakat Orang Asli yang lebih kondusif.



## Kemajuan

Dasar berkaitan hak menikmati kemajuan dalam kalangan masyarakat Orang Asli adalah perlu seiring dengan masyarakat perdana melalui taraf pendidikan (rendah, menengah, tinggi, kemahiran dan sebagainya); taraf dan kualiti hidup (kemiskinan, garis pendapatan dan sebagainya) dan penyertaan dalam pembuatan keputusan Negara (Ahli Parlimen, Senator dan sebagainya) dalam kalangan masyarakat Orang Asli





## ■ FOKUS STRATEGIK

Empat (4) teras utama ini akan menekankan tujuh (7) fokus tematik dalam pembangunan menyeluruh masyarakat Orang Asli. Fokus tematik ini adalah Tanah, Kepimpinan, Kebudayaan, Kesihatan, Infrastruktur, Pendidikan dan Ekonomi seperti pada Resolusi Konvensyen Orang Asli Kebangsaan (2019).

Tujuh (7) fokus ini akan membentuk strategi bagi sebarang program dan projek untuk masyarakat Orang Asli melalui Dasar Pembangunan Orang Asli yang akan menggantikan Dasar Pentadbiran Orang Asli 1961 dan Pelan Strategik JAKOA setiap lima (5) tahun secara amnya.

### TERAS STRATEGIK **1** Perlindungan

#### FOKUS TEMATIK

- Tanah
- Kebudayaan
- Kepimpinan Tradisi

### TERAS STRATEGIK **2** Kesejahteraan

#### FOKUS TEMATIK

- Kesihatan
- Infrastruktur
- Kepimpinan Komuniti

### TERAS STRATEGIK **3** Kemajuan

#### FOKUS TEMATIK

- Pendidikan
- Ekonomi
- Kepimpinan Nasional

### TERAS STRATEGIK **4** Penyampaian Perkhidmatan

#### FOKUS TEMATIK

- Tadbir Urus
- Perancangan Strategik
- Penggunaan Teknologi
- Pengurusan Data
- Penyampaian Maklumat
- Kolaborasi

Jadual  
**4**

Hubungan Teras Strategik dan Fokus Tematik





JABATAN KEMAJUAN ORANG ASLI



## BAB 4

# STRATEGI DAN PELAN TINDAKAN

# KERANGKA PELAN STRATEGIK JABATAN KEMAJUAN ORANG ASLI 2023-2026



## VISI

Peneraju Unggul Pembangunan Sosial, Ekonomi dan Kebudayaan Masyarakat Orang Asli Seiring Kemajuan Negara



## MISI

Mengukuhkan Peningkatan Kendiri, Kekuatan Minda, Kesejahteraan dan Kemajuan Orang Asli melalui Pendekatan Penglibatan Bersama yang Efektif dan Strategik Seiring dengan Pembangunan Negara

### TERAS

TERAS 1	TERAS 2	TERAS 3	TERAS 4
Perlindungan	Kesejahteraan	Kemajuan	Perkhidmatan
Memperkuatkkan Jati Diri, Keperluan Hidup, Kepimpinan Tradisi dan Nilai Kehidupan Unik serta Budaya Masyarakat Orang Asli.	Meningkatkan Kualiti Hidup, Kemudahan Prasarana dan Kecekapan Institusi Kepimpinan Komuniti Masyarakat Orang Asli.	Memantapkan Pendidikan dan Mempercepatkan Pembangunan Sosioekonomi Masyarakat Orang Asli Selaras dengan Kemajuan Negara.	Memantapkan Kecekapan Sistem Penyampaian Perkhidmatan Jabatan Dengan Lebih Berkesan Kepada Masyarakat Orang Asli.

### STRATEGI

<b>STRATEGI 1</b> Memantapkan Pengurusan Tanah dan Kawasan Penempatan Masyarakat Orang Asli	<b>STRATEGI 1</b> Menambahbaik Kesedaran Tahap Kesihatan dan Perkhidmatan Penjagaan Kesihatan serta Kemudahan Kesihatan	<b>STRATEGI 1</b> Meningkatkan Akses kepada Pendidikan yang Berkualiti Peringkat Pra-Sekolah	<b>STRATEGI 1</b> Mengukuhkan Ekosistem Tadbir Urus dan Memantapkan Nilai dan Etika Cemerlang Warga JAKOA
<b>STRATEGI 2</b> Memperkasakan Pemuliharaan Warisan (Kebudayaan & Bahasa) Masyarakat Orang Asli	<b>STRATEGI 2</b> Memperluas Pembinaan Jalan dan Penyediaan Bekalan Air Terawat, Bekalan Elektrik, Perumahan dan Ameniti Sosial serta Akses Komunikasi	<b>STRATEGI 2</b> Meningkatkan Tahap Kesedaran Pendidikan	<b>STRATEGI 2</b> Membangunkan Kompetensi dan Kemahiran serta Mewujudkan Persekutuan Kerja yang Konduif
<b>STRATEGI 3</b> Mengukuhkan Pengurusan Kepimpinan Tradisi Masyarakat Orang Asli	<b>STRATEGI 3</b> Memperkuatkkan Pengurusan Institusi Kepimpinan Komuniti	<b>STRATEGI 3</b> Memantapkan Program Bantuan Pendidikan	<b>STRATEGI 3</b> Memperluaskan Kebolehcapaian Maklumat dan Mengukuhkan Pengurusan Data yang Efisien
<b>STRATEGI 4</b> Mengukuhkan Kerjasama dan Penyelarasan dengan Pihak Berkepentingan	<b>STRATEGI 4</b> Memperkuatkkan Program Kebajikan Masyarakat Orang Asli	<b>STRATEGI 4</b> Meningkatkan Peluang Latihan Kemahiran dan Kerjaya	<b>STRATEGI 4</b> Memperkasakan Dasar, Akta dan Peraturan Dalaman Jabatan
	<b>STRATEGI 5</b> Mengukuhkan Kerjasama dan Penyelarasan dengan Pihak Berkepentingan	<b>STRATEGI 5</b> Memperkasakan Program Peningkatan Pendapatan	<b>STRATEGI 5</b> Memperluas Penggunaan Teknologi yang Memberi Nilai Tambah kepada Penyampaian Perkhidmatan
		<b>STRATEGI 6</b> Memperluas Program Peningkatan Ekonomi Mampan	<b>STRATEGI 6</b> Mengukuhkan dan Memperluaskan Perkhidmatan Komunikasi Bersepadu Kerajaan
		<b>STRATEGI 7</b> Mengukuhkan Kerjasama dan Penyelarasan dengan Pihak Berkepentingan	<b>STRATEGI 7</b> Mengukuhkan Kerjasama dan Penyelarasan dengan Pihak Berkepentingan

### NILAI BERSAMA JAKOA

**J**

JALINAN BERSAMA

**A**

AKAUNTABILITI

**K**

KOMITMEN

**O**

OPTIMUM

**A**

ADAPTASI

Rajah  
**5**

Kerangka Pelan Strategik JAKOA 2023-2026



## ■ PERNYATAAN TERAS STRATEGIK PELAN STRATEGIK JAKOA 2023-2026

TERAS  
STRATEGIK

1

Perlindungan

Memperkuuhkan Jati Diri,  
Keperluan Hidup, Kepimpinan  
Tradisi dan Nilai Kehidupan Unik  
serta Budaya Masyarakat Orang Asli.

TERAS  
STRATEGIK

2

Kesejahteraan

Meningkatkan Kualiti Hidup,  
Kemudahan Prasarana dan  
Kecekapan Institusi Kepimpinan  
Komuniti Masyarakat Orang Asli.

TERAS  
STRATEGIK

3

Kemajuan

Memantapkan Pendidikan dan  
Mempercepatkan Pembangunan  
Sumber Ekonomi dan Perladangan  
Masyarakat Orang Asli Selaras  
dengan Kemajuan Negara.

TERAS  
STRATEGIK

4

Penyampaian  
Perkhidmatan

Memantapkan Kecekapan Sistem  
Penyampaian Perkhidmatan  
Jabatan dengan Lebih Berkesan  
kepada Masyarakat Orang Asli.

Jadual  
5

Pernyataan Teras Strategik Pelan Strategik JAKOA 2023-2026







# KERANGKA PELAN STRATEGIK JABATAN KEMAJUAN ORANG ASLI 2023-2026

## TERAS STRATEGIK **1** Perlindungan

**PERLINDUNGAN: MEMPERKUKUHKAN JATI DIRI, KEPERLUAN HIDUP, KEPIMPINAN TRADISI DAN NILAI KEHIDUPAN UNIK SERTA BUDAYA MASYARAKAT ORANG ASLI**

**Strategi 1: Memantapkan Pengurusan Tanah dan Kawasan Penempatan Masyarakat Orang Asli**

Bil	Program/ Projek/ Aktiviti	Indikator Sasaran	Sasaran (Bilangan/ Peratusan)	Tahun/ Tempoh Sasaran	Bahagian Bertanggungjawab
1	<b>Projek Penandaan Sempadan Kawasan Penempatan Orang Asli</b>  Aktiviti: i. Kerja Ukur Perimeter/ Kerja Ukur Halus.	■ Bilangan KOA	■ 55 KOA	2023 - 2026	■ BPSE ■ JAKOA NEGERI ■ JAKOA DAERAH
2	<b>Permohonan Pewartaan di bawah Akta 134B</b>  Aktiviti: i. Permohonan warta (PDT/ PTG). ii. Kelulusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN). iii. Siar Warta.	■ Bilangan Permohonan  ■ Bilangan Lulus MMKN  ■ Bilangan Siar Warta	■ 55 KOA  ■ 55 Lulus  ■ 55 Siar Warta	2023 - 2026	■ JAKOA NEGERI ■ JAKOA DAERAH
3	<b>Mewujudkan Tatacara Pengurusan Tanah Penempatan Orang Asli</b>  Dokumen: i. Pengurusan Urusniaga Atas Tanah Warta (Seksyen 9, Akta 134). ii. Pampasan Tanah Atas Tanah Warta (Seksyen 11/12, Akta 134). iii. Penempatan Baru / Pemindahan Penempatan Orang Asli.	■ Bilangan Dokumen	■ 3 Dokumen	2023 - 2026	■ BPSE



# TERAS STRATEGIK 1 Perlindungan

## **PERLINDUNGAN: MEMPERKUKUHKAN JATI DIRI, KEPERLUAN HIDUP, KEPIMPINAN TRADISI DAN NILAI KEHIDUPAN UNIK SERTA BUDAYA MASYARAKAT ORANG ASLI**

### **Strategi 2: Memperkasakan Pemuliharaan Warisan (Kebudayaan & Bahasa) Masyarakat Orang Asli**

Bil	Program/ Projek/ Aktiviti	Indikator Sasaran	Sasaran (Bilangan/ Peratusan)	Tahun/ Tempoh Sasaran	Bahagian Bertanggungjawab
1	<b>Pengumpulan dan Pembelian Koleksi Artifak 18 Suku Kaum Orang Asli</b>  Aktiviti: i. 5 Artifak Setiap Kaum (Pendokumentasian Artifak)	■ Bilangan Artifak	■ 250 Artifak	2023 - 2026	■ BPP ■ JAKOA NEGERI
2	<b>Penubuhan Muzium/ Galeri Budaya Baharu</b>  Aktiviti i. Galeri Orang Asli Bawong. ii. Galeri Orang Asli Tapah.	■ Bilangan Muzium/ Galeri	■ 2 Muzium/ Galeri	2023 - 2026	■ JAKOA NEGERI PERAK-KEDAH ■ BPP
3	<b>Mewujudkan Tatacara Pengurusan Muzium/ Galeri</b>  Dokumen: i. Garis Panduan Pengurusan Muzium/ Galeri.	■ Bilangan Dokumen	■ 1 Dokumen	2023 - 2026	■ BPP
4	<b>Program Warisan dan Kebudayaan</b>  Aktiviti: i. Program Pemuziuman di Muzium Orang Asli Gombak. ii. Program Kebudayaan di Muzium Orang Asli Gombak. iii. Program Kebudayaan Orang Asli di Muzium Orang Asli Jeli. iv. Program Kebudayaan dan Pemuziuman Orang Asli di Galeri Orang Asli Bawong. v. Program Kebudayaan Orang Asli di Sekolah-Sekolah vi. Kamus Bahasa Orang Asli	■ Bilangan Program  ■ Bilangan Dokumen	■ 5 Program  ■ 1 Dokumen	2023 - 2026	■ BPP ■ JAKOA NEGERI PERAK-KEDAH ■ JAKOA NEGERI KELANTAN-TERENGGANU
5	<b>Program Kesedaran Terhadap Hak Kanak-kanak</b>  Aktiviti: i. Konsultasi Bersama Masyarakat Orang Asli ii. Silibus Kesedaran Hak Kanak-Kanak.	■ Bilangan Program  ■ Bilangan Dokumen	■ 6 Program  ■ 1 Dokumen	2023 - 2026	■ BPP ■ JAKOA NEGERI



## TERAS STRATEGIK **1** Perlindungan

**PERLINDUNGAN:** MEMPERKUKUHKAN JATI DIRI, KEPERLUAN HIDUP, KEPIMPINAN TRADISI DAN NILAI KEHIDUPAN UNIK SERTA BUDAYA MASYARAKAT ORANG ASLI

### Strategi 3: Mengukuhkan Pengurusan Kepimpinan Tradisi Masyarakat Orang Asli

Bil	Program/ Projek/ Aktiviti	Indikator Sasaran	Sasaran (Bilangan/ Peratusan)	Tahun/ Tempoh Sasaran	Bahagian Bertanggungjawab
1	<b>Pemantapan Institusi Kepimpinan Batin/ Penghulu dan Ketua Adat Orang Asli</b>  Aktiviti: i. Pewujudan Jawatankuasa Ketua Adat Orang Asli Negeri (8 Negeri). ii. Garis Panduan Jawatankuasa Ketua Adat Orang Asli Negeri. iii. Sesi Libat Urus Jawatankuasa Ketua Adat Orang Asli Negeri iv. Kursus Pemantapan Batin/ Penghulu Orang Asli.	<ul style="list-style-type: none"><li>■ Bilangan Jawatankuasa.</li><li>■ Bilangan Dokumen.</li><li>■ Bilangan Sesi.</li><li>■ Bilangan Kursus</li></ul>	<ul style="list-style-type: none"><li>■ 8 Jawatankuasa</li><li>■ 1 Dokumen</li><li>■ 4 Sesi</li><li>■ 24 Kursus</li></ul>	2023 - 2026	<ul style="list-style-type: none"><li>■ BPMK</li><li>■ JAKOA NEGERI</li></ul>
2	<b>Konvensyen Orang Asli Kebangsaan</b>  Aktiviti: i. Pameran Kebudayaan. Dialog Isu-isu Orang Asli.	<ul style="list-style-type: none"><li>■ Bilangan Konvensyen</li></ul>	<ul style="list-style-type: none"><li>■ 1 Konvensyen</li></ul>	2023 - 2026	<ul style="list-style-type: none"><li>■ BKP</li><li>■ BPP</li></ul>



# TERAS STRATEGIK **1** Perlindungan

**PERLINDUNGAN:** MEMPERKUKUHKAN JATI DIRI, KEPERLUAN HIDUP, KEPIMPINAN TRADISI DAN NILAI KEHIDUPAN UNIK SERTA BUDAYA MASYARAKAT ORANG ASLI

**Strategi 4:** Mengukuhkan Kerjasama dan Penyelarasan dengan Pihak Berkepentingan

Bil	Program/ Projek/ Aktiviti	Indikator Sasaran	Sasaran (Bilangan/ Peratusan)	Tahun/ Tempoh Sasaran	Bahagian Bertanggungjawab
1	<b>Jawatankuasa Bersama Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia- Jabatan Kemajuan Orang Asli (JKB JPSM-JAKOA)</b>  Aktiviti: i. Sesi Libat Urus bersama JPSM (Program/ Bengkel/ Mesyuarat)	■ Bilangan Sesi	■ 4 Sesi	2023 - 2026	■ BPP
2	<b>Jawatankuasa Bersama Jabatan Ketua Pengarah Tanah &amp; Galian Persekutuan-Jabatan Kemajuan Orang Asli (JKB JKPTG-JAKOA)</b>  Aktiviti: i. Sesi Libat Urus Bersama JKPTG (Program/ Bengkel/ Mesyuarat)	■ Bilangan Sesi	■ 4 Sesi	2023 - 2026	■ BPP
3	<b>Jawatankuasa Khas Kabinet. Mengenai Hak Tanah Orang Asal/Asli (JKKHTOA)</b>  Aktiviti: i. Sesi Libat Urus Bersama BHEUU/ SUHAKAM (Program/ Bengkel/ Mesyuarat)	■ Bilangan Sesi	■ 4 Sesi	2023 - 2026	■ BPP
4	<b>Kerjasama Strategik Program Pemutihan Tanah Kawasan Penempatan (Kerajaan Negeri)</b>  Aktiviti: i. Sesi Libat Urus Bersama PTG/ KPM/ JPSM (Program/ Bengkel/ Mesyuarat)	■ Bilangan Sesi	■ 8 Sesi	2023 - 2026	■ BPSE ■ JAKOA NEGERI



## TERAS STRATEGIK **2** Kesejahteraan

**KESEJAHTERAAN: MENINGKATKAN KUALITI HIDUP, KEMUDAHAN PRASARANA DAN KECEKAPAN INSTITUSI KEPIMPINAN KOMUNITI MASYARAKAT ORANG ASLI**

**Strategi 1: Menambahbaik Kesedaran Tahap Kesihatan dan Perkhidmatan Penjagaan Kesihatan serta Kemudahan Kesihatan**

Bil	Program/ Projek/ Aktiviti	Indikator Sasaran	Sasaran (Bilangan/ Peratusan)	Tahun/ Tempoh Sasaran	Bahagian Bertanggungjawab
1	<b>Program Kesedaran Kesihatan Bersama Masyarakat Orang Asli</b> Aktiviti: i. Kerjasama Dengan pihak Pejabat Kesihatan Daerah. ii. Program Pendidikan Kesihatan Seksual Reproduktif (SRH) Bersama LPPKN.	<ul style="list-style-type: none"> <li>■ Bilangan Program</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>■ 447 Program</li> </ul>	2023 - 2026	<ul style="list-style-type: none"> <li>■ BPMK</li> <li>■ JAKOA NEGERI</li> <li>■ JAKOA DAERAH</li> </ul>
2	<b>Program Bantuan Kebajikan Masyarakat Orang Asli</b> Aktiviti: i. Bakul Makanan. ii. Bantuan Bencana (Naik Taraf Jalan, Baik Pulih Rumah/ Dan Sebagainya)	<ul style="list-style-type: none"> <li>■ Peratusan Penerima Manfaat</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>■ 50% KIR Setahun</li> </ul>	2023 - 2026	<ul style="list-style-type: none"> <li>■ BPMK</li> <li>■ JAKOA NEGERI</li> </ul>
3	<b>Program Kesedaran Hak Kanak-Kanak dalam Masyarakat Orang Asli</b> Aktiviti: i. Silibus Hak Kanak-Kanak Orang Asli (Terbitan/ Artikel) ii. Program Kesedaran Hak Kanak-Kanak Orang Asli	<ul style="list-style-type: none"> <li>■ Bilangan Terbitan/ Artikel</li> <li>■ Bilangan Program</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>■ 4 Artikel</li> <li>■ 8 Program</li> </ul>	2023 - 2026	<ul style="list-style-type: none"> <li>■ BPP</li> <li>■ BPMK</li> <li>■ JAKOA NEGERI</li> <li>■ JAKOA DAERAH</li> </ul>



## TERAS STRATEGIK **2** Kesejahteraan

**KESEJAHTERAAN:** MENINGKATKAN KUALITI HIDUP, KEMUDAHAN PRASARANA DAN KECEKAPAN INSTITUSI KEPIMPINAN KOMUNITI MASYARAKAT ORANG ASLI

**Strategi 2: Memperluas Pembinaan Jalan dan Penyediaan Bekalan Air Terawat, Bekalan Elektrik, Perumahan dan Ameniti Sosial serta Akses Komunikasi**

Bil	Program/ Projek/ Aktiviti	Indikator Sasaran	Sasaran (Bilangan/ Peratusan)	Tahun/ Tempoh Sasaran	Bahagian Bertanggungjawab
1	<b>Projek kemudahan Asas di Penempatan Orang Asli</b>  Aktiviti: i. BALB ii. BELB iii. Rumah (Baik Pulih/Bina Baru)	■ Bilangan Rumah ■ Bilangan Rumah ■ Bilangan Rumah	■ 300 Setahun ■ 200 Setahun ■ 300 Setahun	2023 - 2026	■ BPSE ■ JAKOA NEGERI ■ JAKOA DAERAH
2	<b>Projek Ameniti Sosial di Penempatan Orang Asli</b>  Aktiviti: i. Projek Bina Baharu Ameniti Sosial (Longkang/ Padang Permainan/ Dewan/ dan sebagainya) di KOA. ii. Projek Baik Pulih Ameniti Sosial (Longkang/ Padang Permainan/ Dewan/ dan sebagainya) di KOA.	■ Bilangan Projek	■ 150 Projek	2023 - 2026	■ BPSE ■ JAKOA NEGERI ■ JAKOA DAERAH
3	<b>Garis Panduan Berkaitan Projek Infrastruktur dan Ameniti Sosial (Baharu/ Pindaan)</b>  Aktiviti/ Dokumen: i. Bengkel/ Sesi Libat Urus. ii. Dokumen Garis Panduan/ Pindaan.	■ Bilangan sesi ■ Bilangan dokumen	■ 4 Sesi ■ 1 Dokumen	2023 - 2026	■ BPSE
4	<b>Projek Jalan di Penempatan Orang Asli.</b>  i. Jalan Perhubungan Desa (JPD) (Bina Baharu, Baik Pulih, Naik Taraf)	■ Kilometer (KM) ■ Bilangan KOA	■ 30 KM Setahun ■ 2 KOA	2023 - 2026	■ BPSE



## TERAS STRATEGIK **2** Kesejahteraan

**KESEJAHTERAAN:** MENINGKATKAN KUALITI HIDUP, KEMUDAHAN PRASARANA DAN KECEKAPAN INSTITUSI KEPIMPINAN KOMUNITI MASYARAKAT ORANG ASLI

### Strategi 3: Memperkuuhkan Pengurusan Institusi Kepimpinan Komuniti

Bil	Program/ Projek/ Aktiviti	Indikator Sasaran	Sasaran (Bilangan/ Peratusan)	Tahun/ Tempoh Sasaran	Bahagian Bertanggungjawab
